

MPOB bakal perkenal empat teknologi baharu sawit

Jun 28, 2021 @ 12:42pm



Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

KUALA LUMPUR: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan memperkenalkan empat teknologi baharu berkaitan industri itu pada Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi (TOT) 2021 yang akan diadakan secara maya pada 1 Julai ini.

Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam Kadir, berkata teknologi itu membabitkan dua teknologi kawalan penyakit dalam ladang kelapa sawit, satu teknologi biojisim bagi kawalan pencemaran dari kilang sawit dan satu teknologi kejuruteraan ladang khusus untuk pengangkutan kelapa sawit segar.

"Seminar ini memberi peluang kepada semua pihak untuk melihat teknologi baharu dan juga teknologi lalu. Jika ada antara mereka yang berminat boleh hubungi MPOB untuk mendapatkan lesen bagi tujuan komersialkan teknologi ini.

"Kami bukan sahaja memberi kepakaran teknikal dan kemudahan penyelidikan malah akan membantu sehingga mereka berjaya komersialkan produk itu," katanya ketika menjadi tetamu undangan dalam program 'Koresponden Bernama' di Bernama TV pada Isnin.

Beliau berkata, sehingga kini, kadar pengkomersialan teknologi yang dihasilkan MPOB adalah 30.4 peratus, dengan 216 daripada keseluruhan 704 teknologi yang dihasilkan MPOB berjaya dikomersialkan.

Ahmad Parveez berkata, MPOB mengalu-alukan pembabitan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam seminar berkenaan bagi membolehkan pihaknya membantu mereka untuk meningkatkan ekonomi dari segi industri sawit.

TOT adalah acara tahunan sejak 20 tahun lalu, berperanan sebagai platform penting untuk memperkenalkan teknologi dan inovasi dalam industri sawit yang dibangunkan kumpulan penyelidik MPOB.

Penganjuran TOT setiap tahun adalah antara strategi MPOB untuk meningkatkan pengkomersialan teknologi.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai seminar secara maya itu boleh membuat pendaftaran secara percuma dengan mengimbas kod QR di laman sesawang rasmi MPOB <https://mpob.gov.my/uncategorized/27th-mpob-transfer-of-technology-tot-s....>

-BERNAMA